

04 OCT 2002

S'pura-Politik/I

PERKEMBANGAN POLITIK DI M'SIA AKAN BERI KESAN KEPADA S'PURA

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 4 Okt (Bernama) -- Sama ada Malaysia membangun mengikut pendekatan sekular Umno, pendekatan moden, ataupun mengikut arah konservatif PAS yang lebih kepada agama, ia pasti mempunyai kesan terhadap Singapura, kata Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong.

Semasa bercakap di Forum Peringkat Menteri Kent Ridge di Amerika Syarikat, beliau berkata perjuangan antara Umno dan PAS bagi meraih sokongan orang Melayu bukan mudah, dengan memberikan contoh dua pilihan raya kecil di Kedah baru-baru ini.

"Kerusi-kerusi berkenaan sebelum itu disandang oleh seorang pemimpin kuat PAS. Ia cabaran yang getir. Umno menggunakan usaha maksimum untuk memenangi kedua-dua kerusi itu, tetapi hanya mampu merampas satu. Banyak orang Melayu di luar bandar masih merupakan penyokong kuat PAS, walaupun segala sumbangan Umno," kata beliau. Teks ucapan beliau di keluarkan di sini, hari ini.

"Parti Se Islam (PAS) berjuang menentang pendekatan sekular Dr Mahathir. PAS berjuang bagi sebuah negara Islam, termasuk undang-undang hudud yang mengenakan hukuman seperti memotong tangan jika mencuri ataupun direjam dengan batu kerana melakukan zina," jelas beliau.

Lee juga memetik Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata selepas pilihan raya kecil itu bahawa "Bukan mudah untuk mengubah orang yang tidak mahu memikirkan ataupun menilai tetapi menurut membuta apa (pemimpin mereka) minta mereka buat..."

"Bagi pembangkang (PAS), jikapun mereka menempatkan batang pokok sebagai calon, mereka masih boleh menang. Mereka (penyokong pembangkang) tidak berfikir. Mereka tengok bulan (lambang parti PAS), mereka akan menyokongnya..." kata Dr Mahathir.

Menurut Lee lagi: "Di Malaysia, Dr Mahathir melakukan sedaya yang boleh untuk memajukan dan memodenkan negara. Beliau berusaha gigih untuk memastikan mata pelajaran sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, walaupun ada tentangan kuat."

Menekankan bahawa masa depan rantau banyak bergantung kepada perkembangan politik, beliau berkata sebuah Indonesia yang stabil lebih penting bagi Asia Tenggara.

Jika Indonesia berpecah belah, tidak stabil daripada segi politik dan lemah daripada segi ekonomi, ia akan membawa kesan yang mendalam dan meluas bagi Singapura dan rantau, kata Lee.

Mengenai usaha memerangi keganasan, beliau berkata pengganas tidak boleh menang, tetapi membanteras mereka juga bukan usaha yang mudah.

"Tetapi pengganas yang berjuang atas nama Islam akan cuba sedaya yang boleh untuk menjadikannya satu konflik antara umat Islam dan golongan kafir. Dalam perjuangan mereka itu, termasuk Iraq, ia mungkin membawa tindak balas dalam hubungan antara negara-negara Islam dan bukan Islam," katanya.

Mengenai penahanan terbaru kumpulan Jemaah Islamiyah (JI), beliau berkata anggota-anggotanya sedang merancang serangan terhadap sasaran-sasaran Amerika dan juga Singapura, termasuk kedutaan Amerika, paip air dari Malaysia ke Singapura dan Kementerian Pertanian.

Lee berkata: "Mereka bertindak demikian untuk mencetuskan konflik antara Malaysia dan Singapura, dan sengketa antara orang Islam dan bukan Islam, untuk mewujudkan Daulah Islamiyah, ataupun negara Islam di Asia Tenggara. Jika mereka berjaya, Singapura pasti alami kemusnahan teruk."

-- BERNAMA
SS PR